

**PEMIKIRAN ISLAH HASHIM A. GHANI (1927-2004) BERKAIT  
PERSOALAN TAKLID DALAM KALANGAN MASYARAKAT MELAYU**  
*Islah's Thoughts by Hashim A. Ghani (1927-2004) Related  
to the Issue of Taqlid Among the Malay Community*

<sup>1\*</sup>MOHAMAD AQIL AZIZ BIN TUAH

<sup>2</sup>MOHAMAD SHAUKHI MOHD RADZI

<sup>1,2</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,  
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.

\*Corresponding author: <sup>1</sup>aqilaziz.tuah@gmail.com

<sup>2</sup>shaukhi@ums.edu.my

Dihantar/Received: 27 Mac 2024 | Penambahbaikan/Revised: 17 Mei 2024

Diterima/Accepted: 11 Jun 2024 | Terbit/Published: 30 Jun 2024

DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.v35i1.5056>

**Abstrak** Hashim A. Ghani merupakan antara tokoh islah terawal di Negeri Sembilan yang lantang menyebarkan idea islah. Perjuangan islahnya terutama dalam menjelaskan tafsiran berkenaan persoalan taklid telah menimbulkan reaksi yang berbeza dalam kalangan masyarakat. Makalah ini bertujuan untuk mengkaji pemaknaan Hashim A. Ghani berkenaan taklid dan menganalisis pemikirannya tentang dua persoalan utama taklid dalam kalangan masyarakat Melayu. Kajian ini adalah sebuah kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian analisis kandungan dan pensejarahan. Data-data kajian diperoleh daripada sumber primer dan sekunder daripada kajian teks dan temu bual. Kajian ini mendapati pemaknaan taklid menurut Hashim A. Ghani adalah perbuatan menerima sesuatu pendapat atau fatwa seseorang dalam urusan agama tanpa diketahui sumber asalnya. Menurutnya, perbuatan taklid bertentangan dengan konsep *ittiba'*. Hashim A. Ghani menegaskan bahawa mengamalkan taklid ialah haram, sedangkan melakukan *ittiba'* ialah wajib. Dua persoalan taklid masyarakat Melayu yang telah menarik Hashim A. Ghani melakukan ulasan adalah berkenaan kekeliruan memahami taklid dan kewajipan bermazhab *fiqh*. Isu pertama dalam persoalan taklid adalah kekeliruan masyarakat Melayu dalam membezakan antara taklid dan *ittiba'*, keabsahan melakukan taklid, dan isu kelayakan berijtihad. Isu kedua dalam persoalan taklid adalah persoalan kewajipan bermazhab *fiqh*. Hashim A. Ghani melontarkan gagasan penilaian semula terhadap isu kewajipan masyarakat untuk bertaklid kepada mazhab Syafii sahaja, sekali gus dengan pengharaman melakukan *talfiq*.

**Kata kunci:** Islah, taklid, mazhab, Hashim A. Ghani, masyarakat Melayu, Negeri Sembilan.

**Abstract** Hashim A. Ghani is one of the earliest islah figures in Negeri Sembilan who loudly spread the idea of islah. His struggle for reform, especially in explaining the interpretation of the issue of taqlid, has caused different reactions in the community. This paper aims to study Hashim A. Ghani's interpretation of taklid and analyze his thoughts on the two main issues of taklid among the Malay community. This study is qualitative and has a content analysis and historical research design. The study data was obtained from primary and secondary sources from textual studies and interviews. This study found that the meaning of taqlid, according to Hashim A. Ghani, is the act of accepting someone's opinion or fatwa in religious affairs without knowing the original source. According to him, the act of taqlid is against the concept of ittiba'. Hashim A. Ghani asserted that practicing taklid is haram, while doing ittiba' is obligatory. Two issues of the taqlid of the Malay community that have attracted Hashim A. Ghani's comments are the confusion of understanding taqlid and the obligation to follow the fiqh madhhab. The first issue in the question of taqlid is the confusion of the Malay community in distinguishing between taqlid and ittiba', the legality of performing taqlid, and the issue of eligibility for ijтиhad. The second issue in the question of taklid is the obligation to follow the school of jurisprudence. Hashim A. Ghani put forth the idea of re-evaluating the community's obligation to follow the Syafii madhhab only, along with the prohibition of performing talfiq.

**Keywords:** Islah, taqlid, madhhab, Hashim A. Ghani, Malay community, Negeri Sembilan.

## PENDAHULUAN

Islah memiliki pelbagai variasi makna dalam kalangan sarjana. Jika dilihat dari sudut istilah, islah bukanlah ajaran untuk mengubah agama, tetapi daya upaya untuk menyeru masyarakat agar kembali al-Quran dan sunah dengan berusaha menyamai keadaan generasi awal terutama di bawah kepimpinan

Rasulullah SAW atau sekurang-kurangnya menghampiri keadaan tersebut (Ismail & Mohamed, 2015: 671). Gerakan islah yang berlaku di pelbagai belahan dunia bertujuan untuk mengembalikan semula masyarakat Muslim kepada induknya. Sentuhan terhadap isu taklid oleh gerakan ini merupakan satu hal yang tidak dapat dipisahkan. Taklid adalah perbuatan menerima sesuatu pendapat tanpa mengetahui dalil atas hukum tersebut (Othman & Rahmat, 1996: 44). Para ulama termasuk kelompok islah seperti Ibn Qayyim atau gurunya, Ibn Taimiyah ada menyentuh berkenaan isu kewajaran mengamalkan taklid. Antara ulama yang membenarkan, malah mewajibkan ialah seperti al-Sabuni, manakala ulama semisal Ibn Baz, al-Albani dan ‘Usaimin melarang melakukan taklid jika berkemampuan (Muhammad Noor, 2021: 66-67).

Isu taklid muncul menerusi gerakan islah di Tanah Melayu dengan pemikiran yang dibawa masuk oleh tokoh islah seperti Tahir Jalaluddin dan Syed Sheikh al-Hadi. Mereka ini terlibat dalam penubuhan majalah *al-Imam* (Roff, 1962/2003: 65). Mereka berpendapat bahawa melaksanakan ijтиhad mampu dilakukan seandainya taklid berjaya ditolak (Abdullah, 2010). Gerakan islah yang dibawa ‘Kaum Muda’ ini turut bertapak di Negeri Sembilan termasuk semasa era islah yang dipimpin oleh Hashim A. Ghani. Sebagaimana gerakan islah di negeri lain, tujuan islah di Negeri Sembilan adalah untuk mengembalikan masyarakat kepada al-Quran dan sunah, berijtihad, membasmikan bidaah, tasyul, khurafat dan lain-lain. Idea-idea islahnya ini memaparkan bagaimana persoalan taklid memainkan peranan penting.

## SOROTAN LITERATUR

Gerakan islah yang berkembang di Malaysia dengan membawa panji pembebasan taklid telah berlaku sebelum kemerdekaan. Perkembangan ini telah berlaku terutama di negeri-negeri Semenanjung seperti Perlis, Pulau Pinang, Kelantan dan lain-lain. Mohd. Radzi Othman dan O. K. Rahmat telah melakukan satu kajian menyeluruh di Malaysia tanpa melibatkan Sabah dan Sarawak dalam bukunya bertajuk *Gerakan Pembaharuan Islam: Satu Kajian di Negeri Perlis dan Hubung Kaitnya dengan Malaysia* (1996). Kedua penulis memperlihatkan bagaimana gelombang islah telah melanda di negeri-negeri Malaysia. Bagi setiap negeri-negeri tersebut, isu taklid

merupakan perbincangan utama, khususnya dalam soal *talfiq* mazhab. Umumnya, begitu banyak pandangan golongan islah Kaum Muda ini yang menyelisihi pendapat dan pegangan masyarakat yang telah ditetapkan pihak tradisional. Misalnya, jumlah azan solat Jumaat, isu zakat, isu kenajisan sesuatu binatang, isu halal dan haram sesuatu makanan dan lain-lain.

Abdul Rahman Haji Abdullah (2010) dalam bukunya *Sejarah Ikhtilaf Mazhab di Malaysia: Suatu Kajian Tentang Perkembangan Pemikiran Tajid dan Islah di Malaysia* menyatakan perselisihan pendapat (*ikhtilaf*) umumnya memaparkan pandangan yang bersifat variatif dan kontradiktif. Variatif memaparkan kepelbagaiian yang sama-sama benar dalam menentukan pendapat yang lebih baik melalui kaedah *tarjih*, manakala kontradiktif ini merupakan pilihan di antara halal dan haram. Jelasnya, kedua-dua hal tersebut berlaku dalam isu-isu yang muncul di antara golongan islah dan tradisionalis di negara ini yang menimbulkan perdebatan yang panjang. Kajiannya berjaya memaparkan sisi golongan islah yang menyeru kepada ijtihad kepada perkara yang kurang jelas dalam ibadah fiqah atau masalah cabang. Menurutnya, dalam persoalan taklid, golongan islah dilihat agak tegas dalam menanggapi pandangan manusia sehingga ada pengkaji memanggil diri mereka sebagai *la-mazhabiyyah* (tidak bermazhab).

Kajian Mahyuddin Abu Bakar dalam *Pengaruh Amalan Bertaqlid kepada Mazhab Syafie di Kalangan Orang Melayu di Malaysia* (2006) mengkaji berkenaan maksud taklid dan faktor taklid kepada mazhab Syafii dalam kalangan masyarakat Melayu di tanah air ini. Berdasarkan dapatan kajiannya, faktor taklid masyarakat Melayu tersebut adalah kerana kegiatan dakwah para mubaligh yang mengamalkan mazhab Syafii dan diturunkan kepada masyarakat Melayu melalui pengajaran dan pembelajaran kitab-kitab syarah dan hasyiah mazhab Syafi. Selain itu, wujudnya penguatkuasaan undang-undang melalui majlis-majlis Agama Islam negeri yang memainkan pelbagai peranan seperti menetapkan mazhab Syafii sebagai panduan dalam menentukan fatwa dan hukum syarak dalam sesebuah negeri kecuali negeri seperti Perlis. Masyarakat Melayu yang kuat dengan tradisi juga enggan menerima elemen yang ‘baru’ dan lebih menerima pengajaran para lepasan pondok yang dianggap warak dan *thiqah*.

Mohamad Anas bin Mohamad Yaakub dan Aminuddin Ruskam (2019) dalam *Polemik Ibadah Harian di Malaysia* (2019) melakukan satu tinjauan terhadap polemik amalan ibadah sejak sebelum kemerdekaan. Kajian ini ada melakukan perbandingan pendapat reformis dan tradisionalis dalam masalah cabang yang ditimbulkan untuk menolak atau mengekalkan amalan tersebut. Misalnya, amalan membaca qunut dalam solat Subuh dipertahankan oleh Kaum Tua memandangkan sabitnya amalan tersebut sebagai sunat dalam mazhab Syafii. Sesuai dengan gambaran masyarakat Melayu yang terdedah lama dengan mazhab Syafii melalui peranan para ulama, sistem pengajian dan undang-undang, perspektif golongan Kaum Tua terhadap taklid adalah berbeza dengan Kaum Muda kerana melihat taklid sebagai harus atau wajib kepada golongan yang tidak berkemampuan. Tindakan melakukan *talfiq* dianggap sebagai satu kejanggalan dan tidak menepati kehendak Kaum Tua untuk menjaga perpaduan dan keseragaman.

Adibah Yasmin Alias, Mohd Irwan Syazli Saidin dan Jamaie Hajji Hamil dalam *Pengaruh Muhammad ‘Abduh Terhadap Kemunculan Fundamentalis-Reformis Kaum Muda di Tanah Melayu* (2023) melakukan kajian berkenaan perjuangan fundamentalis-reformis kaum Muda yang dipengaruhi oleh pemikiran Muhammad Abduh. Kajian ini penting untuk melihat beberapa pegangan yang dibawa tokoh-tokoh Kaum Muda yang berteraskan prinsip kembali kepada al-Quran dan sunah, tanpa perlu meninggalkan idea reformisme untuk mengatasi beberapa isu kemunduran masyarakat Melayu. Oleh itu, antara perjuangan Kaum Muda yang diketengahkan adalah isu wanita dan pendidikan bersama-sama seruan utama untuk tidak jumud atau bertaklid dalam beragama. Perkara ini selari dengan gerakan islah Muhammad ‘Abduh yang menonjolkan Islam sebagai agama dinamik, rasional dan mampu beradaptasi dengan peradaban moden.

Akhir sekali, idea-idea islah golongan Kaum Muda dalam mengatasi isu kefahaman agama dan sosial masyarakat Melayu dikembangkan dalam bentuk-bentuk tulisan – sama ada buku atau majalah. Perkara ini penting kepada para tokoh Kaum Muda untuk menyuarakan pandangan dan kritikan. Sentuhan berkenaan penglibatan Kaum Muda dalam Majalah *Qalam* dan *Pengasuh* dibincangkan dalam kajian Mohd Shahrul Azha Mohd Sharif, Arba’iyah Mohd Noor dan Mohd Firdaus Abdullah dalam *Belenggu*

*Pemikiran Masyarakat Melayu Islam di Tanah Melayu: Peranan Majalah Qalam Sebelum Merdeka* (2021) serta Mohamad Firdaus Mohamad, Engku Ahmad Zaki Engku Alwi dan Ruhaiyan Sulaiman dalam *Kaum Muda dan Majalah Pengasuh Pemangkin Penyelesaian Masalah Sosial Menerusi Pendidikan di Kelantan* (2023). Antara seruan Majalah *Qalam* adalah untuk menjauhi taklid buta, kepercayaan khurafat, amalan bidaah, dan desakan kepada ulama untuk terus berijtihad agar dapat menyelesaikan permasalahan terkini. Majalah *Pengasuh* juga banyak melakukan kritikan terhadap beberapa isu masyarakat Melayu Kelantan seperti laga lembu, loteri dan kefahaman sempit untuk menyalurkan zakat.

## METODOLOGI

Kajian ini adalah sebuah kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian analisis kandungan dan pensejarahan. Data-data kajian diperoleh daripada sumber primer dan sekunder daripada kajian teks dan temu bual. Perolehan sumber ini memerlukan analisis tekstual terhadap sumber-sumber seperti manuskrip, surat khabar, majalah, deklarasi, kertas kerja dan buku-buku khususnya tulisan Hashim A. Ghani. Analisis terhadap sumber-sumber tersebut khususnya untuk mendapatkan pemaknaan taklid menurut Hashim A. Ghani dan pendiriannya terhadap persoalan taklid dalam kalangan masyarakat Melayu sebagai salah satu pemikiran islahnya. Bagi melengkapkan maklumat yang diperoleh, pengkaji menggunakan sumber lisan dengan menemu bual pihak berkaitan, iaitu ahli keluarga Hashim A. Ghani, yang terdiri daripada isteri dan anak-anaknya.

## BIOGRAFI HASHIM A. GHANI

Hashim A. Ghani lahir di Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada 5 Julai 1927. Ibunya bernama Aisyah binti Abd. Wahid, manakala ayahnya bernama Abd. Ghani bin Salam, iaitu seorang Imam Masjid di daerah Kuala Pilah. Beliau menghabiskan pengajiannya di Sekolah Melayu pada 1937 di Kuala Pilah sebelum melanjutkan pengajian di Madrasah ‘Aliah Islamiah atau lebih dikenali dengan nama *The High Islamic School* di Pelangai pada

1939 hingga 1942. Beliau telah berguru dengan Hitam bin Taha, iaitu murid kepada Ma'adah Layang (1895-1942) – tokoh terawal yang dikenal pasti dalam mengembangkan ajaran islah di Negeri Sembilan. Mereka merupakan penerus kepada ajaran islah Ma'adah Layang. Pada 1942 hingga 1946, beliau melibatkan diri dengan perniagaan bersama ayahnya kerana pendudukan Jepun sebelum melanjutkan pelajaran di Madrasah al-Akhlaq Islamiah di Bagan Serai, Perak. Beliau kembali ke *The High Islamic School* dan meneruskan pengajiannya di Madrasah al-Mashur, Pulau Pinang. Pengajiannya tamat pada 28 September 1953 dengan pangkat pertama (A. Ghani, 1978: 2).

Pada 1953, beliau bersama masyarakat membina Madrasah Ittiba' as-Sunnah di Kuala Pilah. Antara tumpuan madrasah itu adalah pengajaran menterjemah al-Quran agar masyarakat Melayu memahami mesej yang disampaikan dalam sumber terpenting Islam. Penterjemahan kaedah harfiah ini ialah warisan daripada Ma'adah Layang. Selari dengan jawatan mudir dan prinsipnya untuk mengembalikan masyarakat kepada induk agama, maka pengajaran menterjemah al-Quran secara harfiah termasuk mempelajari *nahu saraf* dan *i'rab* dimasukkan. Antara pengajaran lain yang ditawarkan adalah pelajaran hadis, termasuk enam kitab hadis utama seperti Sahih Bukhari dan Muslim (Suhaimi Hashim, temu bual pada 30 Mei 2023).

Beliau menubuhkan syarikat bernama Kursus Tertulis al-Furqan (KTF) sekitar awal 1970-an, menggantikan Balai Persuratan al-Mizan untuk menerbitkan buku, membantu masyarakat dalam soal surat-menyerat, borang dan lain-lain. Antara peranan Kursus Tertulis al-Furqan ini ialah sistem menterjemah al-Quran secara pos. Beliau mampu menerbitkan 75 siri pelajaran dalam 75 minggu, iaitu satu minggu bagi satu pelajaran, termasuk kursus pelajaran menterjemah dan *nahu saraf*. Sistem ini berperanan besar dalam menarik masyarakat awam mendalamai sunnah (Hazman Hashim, temu bual pada 31 Mei 2023).

Hashim A. Ghani terkenal sebagai seorang yang tekun mengembangkan sunah berdasarkan perspektif gerakan islahnya meskipun memikul tugas pekerjaan lain seperti wartawan, Penyelia Kemajuan Masyarakat Daerah Kuala Pilah, setiausaha dan ketua penerangan UMNO bahagian Kuala

Pilah. Kegiatan menulis merupakan kaedah utama dalam mempertahankan pandangannya kerana banyak menerima sindiran, tekanan dan fitnah daripada pelbagai pihak. Maka, dengan menulis, beliau dapat menjawab kembali spekulasi yang dilemparkan. Tidak hairanlah, beliau banyak menghabiskan masa untuk menulis sejak pagi sehingga malam di rumahnya atau di pejabatnya (Halipah Bakar, temu bual pada 31 Mei 2023).

Hashim A. Ghani (1927-2004)



Sumber: *Ihsan daripada Hazman Hashim*

Sepanjang hidupnya, beliau menghasilkan berpuluhan karya yang diterbitkan atau tidak diterbitkan seperti *Kenapa Mesti Menurut as-Sunnah* (1981), *Gayung Bersambut (Pertama)* (1981), *Gelanggang Soal Jawab* (1984), *Gayung Bersambut (Ke-2)* (1984), *Bahaya Turun Dari Menara (t.t)*, *Kata Berbalas: Sesat dan Bermazhab* (1988), beberapa buah buku lain, tulisan-tulisan yang dihantar dan dimasukkan di dalam majalah dan surat khabar, deklarasi dan surat-menyurat. Banyak tulisan tersebut telah menarik perhatian masyarakat dan pihak berkuasa agama Negeri Sembilan kerana menyentuh soal-soal yang dilihat sebagai sensitif dan menyimpang sehingga telah diharamkan.

Menurut Hazman Hashim dalam temu bual yang dijalankan pada 30 dan 31 Mei 2023, tekanan yang dihadapi gerakan islah pimpinan Hashim A. Ghani dari pelbagai penjuru termasuk pihak berkuasa, tokoh masyarakat dan masyarakat sekeliling. Misalnya, pihak berkuasa bukan sahaja telah

mengharamkan beberapa karyanya, malah tauliahnya ditarik. Beberapa tokoh juga menyerangnya dalam ceramah atau melalui penerbitan buku. Buku yang terkenal bagi mengkritik pemikiran Hashim A. Ghani ialah *Bermazhab Haram dan Sesat?: Kritik terhadap pendakwah Hashim A. Ghani* (1988) oleh Nahmar Jamil.

#### Pertemuan Hashim A. Ghani dan Hamka



Sumber: Ihsan daripada Hazman Hashim

Jika dilihat dalam masyarakat, beliau dan keluarganya telah digelar sebagai pemakan biawak, bangkai dan lain-lain kerana bersetuju dengan pendapat yang dikeluarkan oleh Abu Bakar al-Asha'ari (Halipah Bakar, temu bual pada 31 Mei 2023). Sebagaimana yang diketahui, Abu Bakar Al-Asha'ari berpendapat beberapa haiwan yang dianggap makanan asing masyarakat Melayu sebagai halal (A. Ghani, 1982a). Masjid Ranjau Hantu, Kuala Pilah yang menjadi tempatnya memberikan ceramah dan khutbah selama ini telah dilarang pihak masjid. Tekanan ini merupakan salah satu sebab beliau mengambil keputusan untuk memisahkan pengikut islahnya dalam melaksanakan aktiviti bersama jemaah tradisionalis, seperti solat berjemaah (Hazman Hashim, temu bual pada 30 Mei 2023).

Pemikiran islah yang dimiliki beliau adalah pengaruh daripada tokoh-tokoh islah memandangkan beliau membawa mesej yang sama. Berdasarkan Pengisyitharan As-Sunnah (1982), beliau telah menyenaraikan beberapa

tokoh yang timbul, dalam menghadapi ‘*zaman umat Islam membekukan otak dan fikirannya*’ seperti Ibn Taimiyah, Ibn Qayyim, Muhammad bin Abdul Wahhab, Shah Waliullah Dahlewi dan lain-lain. Keakraban beliau dengan tokoh Kaum Muda Nusantara sehingga berlakunya pertemuan adalah seperti Ahmad Amin (Melaka), Abu Bakar al-Asha’ari (Perlis), Hamka (Indonesia), Qadir Hassan (Indonesia) dan lain-lain untuk bertukar-tukar fikiran, menuntut ilmu dan memperkuatkan pegangannya. Pada 27 Ogos 2004, beliau telah meninggal dunia di rumahnya di Kuala Pilah akibat sakit jantung. Beliau telah mengakhiri hidupnya setelah menghabiskan masa-masanya memperjuangkan fahaman islah (Halipah Bakar, temu bual pada 31 Mei 2023 & Hazman Hashim, temu bual pada 30 Mei 2023).

### PEMAKNAAN TAKLID OLEH HASHIM A. GHANI

Menurut Hashim A. Ghani, taklid pada bahasa (*lughah*) adalah berasal daripada kata ‘*Qalaadah*’ (kalung) yang tergantung dileher orang yang digantung. Pada segi istilah, ia bermaksud beramal dengan kata orang lain tanpa alasan (A. Ghani, 1988: 81). Beliau memberikan definisi taklid yang lebih jelas, iaitu perbuatan menerima fatwa seseorang yang alim, dalam urusan agama, yang tidak menunjukkan dalil sama ada daripada al-Quran, Sunnah, ijmak atau qiyas. Menurutnya, antonim kepada amalan taklid ialah dengan melakukan *ittiba’*. Hashim A. Ghani (1985: 241-242) mengatakan, *ittiba’* ialah perbuatan menerima fatwa daripada seseorang yang menunjukkan dalil daripada al-Quran, sunah, ijmak dan qiyas. Golongan yang menerima fatwa tersebut digelar sebagai *muttabi’* (pengikut), manakala orang yang memberi fatwa kepada *muttabi’* tersebut digelar sebagai *muttaba’* (yang diikuti). Amalan *ittiba’* menurutnya telah berlaku sejak zaman Rasulullah SAW.

Hashim A. Ghani semasa membahaskan Surah al-Baqarah ayat 170 menyatakan ayat ini adalah dalil bahawa taklid adalah tercela (*mazmum*) dan dicela oleh Allah (A. Ghani, 1981: 53). Meskipun begitu, untuk memahami taklid sebagai sesuatu yang haram sebagaimana yang difahami oleh beliau adalah dengan melihat contoh yang dibawakan. Jelasnya, beliau meletakkan taklid yang tercela itu kepada hal yang dalilnya terang dalam

syariat dan khusus seperti ibadah dan akidah. Sebagai perbandingan, konteks persetujuan beliau terhadap pembahagian taklid terpuji (*mahmud*) oleh ulama pula dapat dilihat terhadap hal muamalah. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau memanggil hal dalam muamalah sebagai taklid yang terpuji (*mahmud*) (A. Ghani, 1988). Hujah beliau adalah, muamalah melibatkan hubungan antara manusia, maka ia memerlukan pertimbangan akal fikiran (A. Ghani, 1984a: 3).

Keseimbangan dalam melakukan taklid itu dapat dilakukan dengan mengalihkan ketaksuhan itu kepada al-Quran dan sunah. Hashim A. Ghani (1988: 48-49) menjelaskan, taksub berasal daripada kata ‘*asabiyah*’, yang bermaksud mengajak orang lain untuk menolong golongannya atau mempertahankan kaumnya daripada kezaliman. Menurutnya, taksub dilarang seandainya bersifat membuta tuli seperti membela kaumnya yang melakukan kejahanatan dan rasis. Namun, taksub yang diperintahkan hanyalah taksub kepada al-Quran dan hadis, bersesuaian dengan kemaksuman kedua sumber tersebut. Menurut Hashim A. Ghani (t.t), kalam-kalam yang terbit dari mulut Baginda SAW tidak lain adalah wahyu daripada Allah Taala kerana Rasulullah SAW telah diajarkan al-Quran berserta hukum-hakamnya dan menyebarkan kepada manusia dengan sunahnya. Ia bersesuaian dengan jaminan pemeliharaan terhadap wahyu yang disebut sebagai *az-zikir*; “*Sesungguhnya Kamilah yang menjaga al-Quran...*” (Surah al-Hijr: 9). Dalam hal ini kita dapat memahami, Hashim A. Ghani menonjolkan peranan al-Quran dan hadis sebagai tapisan kepada taklid.

Seruan beliau adalah agar Muslim tidak sekadar menjadi Muslim geografi dan keturunan, serta menyoal kembali jalan yang ditempuh sebagai Muslim adalah benar-benar pedoman yang dikehendaki oleh Tuhan. Sebagai umat yang mengaku sebagai pengikut sunah, mestilah sentiasa memerlukan dalil dalam semua urusan agama agar terhindar daripada bidaah, syirik, khurafat dan tasyul (A. Ghani, 1985: 45). Pegangan beliau ini dikuatkan dalam Pengisyiharan as-Sunnah (1982) ketika menggambarkan posisi pegangan golongan sunah yang tidak bertaklid kepada mana-mana mazhab, tetapi melakukan *ittiba’* – iaitu menerima dan mengikut satu-satu pendapat yang muktabar setelah diketahui keterangannya dengan jelas daripada al-Quran dan hadis. Oleh kerana itu, dalam membenamkan sikap taklid,

galakkan *ittiba'* dan berijtihad adalah sangat lantang disuarakan bagi pihak beliau. Bagi Hashim A. Ghani, jika seseorang itu berkemampuan, dia perlu melakukan ijtihad bagi menolak taklid. Ijtihad satu hal yang telah berlaku sejak generasi terbaik awal Islam. Ijtihad ialah tindakan berusaha keras dalam memeriksa dan memahami ayat-ayat al-Quran dan hadis. Golongan ini dinamakan mujtahid, sedangkan mujtahid itu hendaklah mengetahui ilmu-ilmu bahasa Arab, ilmu tafsir, ilmu usul dan ilmu *mustalahul hadis* sekadarnya (A. Ghani, 1985, h. 243).

Menurut Hashim A. Ghani (1988, h. 95), akal penting dalam melaksanakan ijtihad, memandang berakal adalah kemestian kepada mujtahid. Meskipun begitu, penggunaan akal yang digunakan hendaklah merujuk kepada Al-Quran dan sunah. Hal ini dikatakan demikian kerana perbuatan menggunakan akal sendiri dalam memahami al-Quran, Sunnah dan pemahaman para sahabat adalah kesesatan (A. Ghani, t.t). Dalam ijmak dan qiyas, sebagai satu kaedah utama yang diguna pakai dalam beragama tidak digunakan dalam perkara ibadah dan akidah. Pengaplikasiannya dapat digunakan dalam hal-hal keduniaan seperti kenderaan moden, nuklear dan lain-lain. Dalam soal ijmak, perkara yang wajib diikuti dalam soal ibadah ialah ijmak sahabat, manakala ijmak *ulil amri* ialah dalam urusan keduniaan. Dalam soal qiyas, beliau menyatakan bahawa penggunaannya hanya terhad dalam urusan yang memerlukan kita menghukum atau memberi keputusan pada perkara-perkara dunia yang tiada dalam nas al-Quran dan hadis. Tegasnya lagi, dasar ijmak dan qiyas itu sendiri tidak tertegak melainkan bersandar kepada al-Quran dan Sunnah (A. Ghani, 1985: 230).

## PEMIKIRAN HASHIM A. GHANI BERKAIT PERSOALAN TAKLID DALAM KALANGAN MASYARAKAT MELAYU

Hashim A. Ghani memiliki pemikirannya berkenaan persoalan utama taklid masyarakat Melayu yang dapat dibahagikan kepada dua. Pertama ialah persoalan yang muncul akibat kekeliruan dalam memahami taklid. Kedua, persoalan yang muncul kerana kewajipan bermazhab *fiqh*.

## 1. Kekeliruan dalam Memahami Taklid

Persoalan yang muncul berkenaan taklid dalam kalangan masyarakat Melayu yang pertama adalah perbezaan dalam memahami taklid dan *ittiba'*. Menurut masyarakat Melayu tradisional, keduanya memberikan maksud yang sama, iaitu ‘mengikuti’, dan ‘meniru’. Pemahaman ini adalah hakikat sebenar yang dipegang tokoh-tokoh masyarakat dan agamawan tradisionalis seperti Nahmar Jamil. Semasa Nahmar Jamil menepis Hashim A. Ghani yang membezakan antara keduanya, beliau memetik tulisan Ramadan al-Buti, bahawa dalam mengikuti pendapat, kadangkala seseorang tidak mengetahui hujah di atas kesahihan pendapat yang *diittiba'* atau ditaklid. Tambahan lagi, pegangan masyarakat adalah meyakini adanya taklid yang terpuji (*mahmud*), dan taklid yang tercela (*maznum*). Tiada pengharaman taklid secara keseluruhan, melainkan taklid buta atau taklid kepada golongan mujtahid. Bahkan, terdapat ulama yang mengizinkan taklid termasuk daripada ulama ‘pujaan’ golongan islah seperti Ibn Qayyim. Konteks taklid yang dicela dalam al-Quran pula dituju kepada golongan musyrikin dan bukannya muslim (Jamil, 1988).

Jelasnya, taklid adalah sesuatu yang diiktiraf namun hendaklah dirujuk kepada mereka yang ‘terpilih’. Dalam konteks masyarakat Melayu, golongan tersebut ialah agamawan tradisionalis. Pegangan ini berteraskan ayat, “...*hendaklah kamu bertanya kepada ahli al-zikr sekiranya kamu tidak mengetahui...*” (Surah an-Nahl: 43). Manusia disuruh merujuk ahli *zikr* yang faham isi al-Quran dan hadis, bukannya merujuk terus kepada kedua sumber itu. Keputusan-keputusan keagamaan pula diperoleh berdasarkan pertimbangan berdasarkan ijmak dan qiyas. Dalam hal ini, masyarakat awam Melayu tradisional meyakini bahawa mereka tidak layak dalam tugasantugas ini. Antara alasan yang digunakan ialah masyarakat Melayu itu tidak menguasai bahasa Arab (Jamil, 1988: 32). Hal ini jelas membuktikan ketiadaan mujtahid di alam Melayu kerana asasnya sahaja tidak dikuasai.

Menurut Hashim Ismail (2010), hal ini dipengaruhi dengan keadaan pendidikan di Tanah Melayu yang bersifat sehala. Murid-murid menghormati dan taksub kepada guru dan lebai yang menguruskan pondok. Sistem pendidikannya adalah berteraskan kaedah hafalan berbanding pemahaman.

Mereka menerima segala pengajaran yang diberikan. Alternatif penyebaran pembelajaran ketika itu juga adalah terhad. Ceramah dan syarahan agama dilakukan melalui lisan di masjid, pondok dan madrasah dengan kegiatan penulisan dilakukan untuk menulis kitab-kitab yang digunakan sebagai teks dalam pengajian kepada murid-murid lingkungan mereka (Mat Zain & Ghazali, 2021: 113). Fenomena ini bukanlah fenomena baharu, ia telah menarik beberapa tokoh kaum muda seperti Syed Sheikh al-Hadi. Tokoh Kaum Muda mengutuk ketaksuban terhadap ulama tempatan dalam masyarakat Melayu sehingga sisa makanan guru-guru tersebut direbut. Majalah seperti *al-Ikhwan* yang diuruskan oleh Kaum Muda pula melihat pendidikan yang dilaksanakan hanya untuk mengukuhkan kedudukan (Roff, 1962/2003: 86). Dalam *al-Imam*, kritikan diberikan kepada budaya masyarakat Melayu seperti mematuhi guru tarekat dengan peraturan yang dipanggil sebagai ‘tarik ikat’ dan ‘karut-karut’. Misalnya, larangan untuk berjumpa dengan ibu bapa, suami isteri dan lain-lain (Mat Ton, 2006: 287).

Kekeliruan memahami taklid dan *ittiba'* yang dipegang golongan tradisionalis jelasnya tidak dipersetujui Hashim A. Ghani. Beliau menyatakan, menyamakan kedua perkataan itu hanya berdasarkan akal semata-mata. Jika dirujuk kepada ulama muktabar, keduanya memiliki makna yang berbeza. Menurut Hashim A. Ghani (1988: 82), *ittiba'* adalah suatu yang lebih umum berbanding taklid. *Ittiba'* digunakan untuk mengikuti perintah yang dilarang dan tidak terlarang, tetapi taklid semata-mata adalah sesuatu yang terlarang. Menurutnya, seorang yang mengamalkan *ittiba'* tidak semestinya mahir bahasa Arab atau mahir memeriksa keabsahan sesuatu hadis, tetapi cukuplah terjemahan perkataan arab dan sesuatu hadis itu disahkan oleh *muttaba'*. Justifikasi beliau adalah, seandainya *muttaba'* melakukan kesalahan, tanggungjawab tidak dibebani kepada pengamal *ittiba'*(*muttabi'*), tetapi kepada yang memberi fatwa (*muttaba'*) (A. Ghani, 1985: 246).

Keterbukaan pegangan ibadahnya dalam isu terhadap taklid dapat dilihat dalam *Gelanggang Soal Jawab* (1984: 260-261). Misalnya dalam perihal kedudukan tangan selepas rukuk. Beliau menyenaraikan pelbagai pandangan seperti meluruskan tangan atau bersedekap agar seseorang yang membaca dapat menilai sebelum memilih di antara pandangan-pandangan

itu. Menurutnya, tiada larangan membahas masalah agama, apatah lagi jika pendapat itu diambil daripada salah seorang tokoh mujtahid. Konteks pemahaman beliau berkenaan taklid yang terpuji dan tercela adalah – mengikuti secara melulu dalam soal keagamaan. Oleh itu, semasa merujuk kepada ‘taklid yang terpuji’, beliau telah memberikan contoh keduniaan, seperti makanan. Ujarnya;

“Ulamak bahagikan taqlid yang tercela (mazmun) ialah dalam bidang aqidah dan ibadah dan segala perkara yang sudah terang dalilnya dalam dasar syar’at dan terpuji (mahmud) ialah yang berkaitan dengan muamalah yang bukan termasuk kedalam soal Ibadah Khususiyah, tetapi taqlid dan mazhab sudah ada keterangan dari sumber syari’at. Misalnya anda hendak terus menerusi memakan laksa kerana bertaqlid kepada nenek moyang itu tiada siapapun mencela, kerana ia bukan ibadah, soal begini anda perlu faham.”  
(A. Ghani, 1988: 80-81)

Jelasnya, beliau telah menyamakan ‘taklid’ dengan ‘taklid buta’ dalam agama kerana berpandangan tiada taklid yang ‘celik’. Ketegasan ini dilihat apabila beliau menyatakan sikap taklid sebagai sesuatu perbuatan yang lebih parah daripada golongan anti hadis kerana golongan itu sekurang-kurangnya tidak mengamalkan sikap ‘membabi buta’ dalam mengikuti urusan agama (A. Ghani, 1988: 75, 79; A. Ghani, 1987: 155).

Beliau menguatkan hujah keharaman bertaklid dengan menggunakan ayat al-Quran, meskipun ayat itu umumnya ditujukan kepada Yahudi dan Nasrani – yang memiliki ketaksuhan terhadap guru atau pendeta. Menurutnya, persamaan hanya dalam bentuk sikap menerima sesuatu tanpa periksa sehingga kata-kata guru ‘dipertuhankan’. Semasa membahaskan hadis dalam Tafsir Al-Alusi, beliau mengatakan: “*Hadits ini melarang umat Islam bertaqlid kepada guru dan pandita, kerana itu sama dengan perangai Yahudi dan Nashara...*”. Sambungnya lagi: “...menjadikan surah Bara-ah:31 sebagai hujah untuk umat Islam supaya jangan bertaqlid kepada imam-imam Mazhab itu adalah logik” (A. Ghani, 1988: 27).

Pernyataannya ini tidaklah berniat menggunakan ayat al-Quran tersebut untuk menyamakan Melayu Muslim yang bertaklid dengan musyrikin daripada segi akidah, namun hanya berfokuskan kepada

spesifikasi ‘perangai’ yang serupa. Jika diteliti perbahasananya terhadap sikap kelompok yang menggunakan ayat al-Quran untuk menghalalkan atau mengharamkan taklid, beliau telah mengkritik pihak lawan yang baginya telah menyalahgunakan ayat tertentu untuk tujuan tersebut. Misalnya, Hashim A. Ghani mengkritik penyalahgunaan perintah dalam surah an-Nahl ayat 43 – iaitu perintah untuk ‘bertanya’, bagi menguatkan hujah tradisionalis Melayu untuk mewajibkan taklid. Menurutnya, ayat al-Quran tersebut justeru adalah perintah untuk menuntut ilmu, bukannya bertaklid (A. Ghani, 1988: 101).

Berhubung kenyataan bahawa masyarakat Melayu bertaklid kerana mempercayai kelayakan mereka tidak mencukupi, Hashim A. Ghani memperolok golongan *muqallidin* yang berfikiran seperti ini agar jangan menggunakan al-Quran dan hadis sama sekali kerana mereka akhirnya hanya mahu mengetahui perkataan ulama yang ditaklid sahaja. Galakan berijtihad beliau pula tidak pernah padam apabila perbahasan berkenaan kelayakan berijtihad dilontarkan. Beliau menetapkan ukuran seseorang untuk menjadi mujtahid. Menurut Hashim A. Ghani (1985), sebagaimana yang disentuh dalam pemakaian taklid menurut Hashim A. Ghani di atas, selagi seseorang memiliki ilmu berbahasa Arab, ilmu usul dan ilmu *mustalahul hadis* dalam memeriksa dan memahami maksud a-Quran dan hadis, selagi itulah pintu ijtihad terbuka. Menurutnya, berijtihad kini adalah lebih mudah berbanding pada zaman dahulu dengan adanya percetakan, tersebarnya ilmu-ilmu untuk berijtihad dan sunah-sunah. Namun, kesemuanya bergantung kepada kepandaian dan kesanggupan membeli kitab-kitab yang telah dikumpulkan (A. Ghani, 1985).

Penggunaan ijmak dan qiyas dalam ijtihad juga diambil kira, meskipun secara umumnya golongan Kaum Muda sering dikaitkan dengan golongan literal terhadap Al-Quran dan sunah semata-mata. Penerimaan Hashim A. Ghani dapat dilihat apabila beliau menyatakan bahawa ijmak merupakan salah satu pohon yang boleh dipegang setelah al-Quran dan sunah. *Ahli Sunnah wal Jama'ah* menjadikan ketiga hal tersebut sebagai manhaj yang benar, tidak menyesatkan dan merupakan prinsip tempat rujukan sebarang masalah yang timbul. Beliau menyatakan bahawa ijmak dan qiyas untuk tujuan *muamalah* dan tidak digunakan dalam memahami

al-Quran dan hadis, sebagaimana yang diamalkan oleh Imam Ahmad. Ijmak didefinisikan Hashim A. Ghani sebagai ijmak para ulama awal sebelum wujud bidaah dan perpecahan umat Islam. Dalam satu tempat yang lain, beliau menyatakan ijmak ialah penyesuaian pendapat para fuqaha dalam pendapat masing-masing berdasarkan dalil yang sampai kepada mereka. Ulama yang datang kemudian menilai dan mentarjihkannya. Beliau menafikan pemahaman bahawa ijmak adalah satu perhimpunan para ulama untuk menetapkan hukum ketika mengeluarkan fatwa (A. Ghani, 1985: 118, 230-231; A. Ghani, 1988: 29-30, 128; A. Ghani, 1987: 137).

Kesan mengamalkan taklid menurut Hashim A. Ghani ialah dapat membawa kepada kemungkaran, bidaah, syirik, khurafat dan tayyl dalam masyarakat Melayu. Kertas kerja beliau dalam *Ijtimak Keluarga Sunnah (Muhammadiyah) Malaysia* (1984a:2) menyatakan, komited ahli sunnah Negeri Sembilan menghapuskan taklid dan menggalakkan ijihad. Menurutnya, kehancuran umat adalah kerana bertaklid. Dalam *Risalah as Sunnah* yang ditulis Penulis Khas (1982), iaitu Hashim A. Ghani sebagai penasihat – telah memaparkan taklid menyumbang kepada sesuatu kemungkaran. Misalnya, pernah terjadi kes guru di sekolah agama yang menyokong perjudian dan arak di dalam Malaysia. Semasa meneliti hal ini, beliau menyatakan, pelajar kepada guru agama ini hanya akan selamat daripada terjerumus kepada pemikiran yang sama jika berfikiran kritis. Pemahaman terhadap maksud beliau ialah, apabila melakukan taklid, seseorang tidak mengetahui sejauh mana kebenaran yang dibawa gurunya. Justeru, yang diikuti ialah sesuatu kemungkaran.

Beliau juga memaparkan bagaimana taklid membawa kepada kesesatan. Hashim A. Ghani menjelaskan bahaya sesuatu ajaran yang dibawa seorang guru yang ternyata membawa ajaran sesat seperti Susila Budhi Dharma – ajaran berdamping dengan Tuhan untuk membersihkan roh. Mereka itu diikuti meskipun secara hakikatnya sesat. Oleh kerana taklid yang kuat inilah, maka seseorang itu, meskipun tokoh yang umumnya memiliki kelebihan ilmu yang lebih tinggi berbanding masyarakat awam Melayu, adakalanya tidak mampu membezakan sesuatu ajaran itu sebagai sesat atau tidak. Oleh itu, semasa Hashim A. Ghani mengkritik Nahmar Jamil dalam *Kata Berbalas: Sesat dan Haram Bermazhab* (1988) dan

Ashaari Muhammad, dalam *Aurad Muhammadiyah Menyeleweng* (1987), antara isu yang dibangkitkan ialah kenyataan lawannya yang tidak boleh membezakan antara ulama *su'* (jahat) dan pewaris nabi atau tidak mampu menganalisis sesuatu maklumat untuk dijadikan panduan dalam beragama.

Perkara ini dapat dilihat apabila Nahmar Jamil meletakkan nama Khomeini sebaris dengan nama-nama Imam Hanafi, Imam Malik, Imam Shafi'i, Imam Ahmad Hanbal, Abu 'Ala al-Maududi, Hassan al-Banna dan lain-lain sebagai 'tokoh ulama' (Jamil, 1988: 29-30). Ashaari Muhammad, pengasas Al-Arqam pula dikatakan telah memetik maklumat-maklumat daripada orang yang 'disangka' alim dan maksum untuk membenarkan kepercayaannya bahawa halal untuk bersahabat dengan jin atau mengambil jin sebagai khadam (A. Ghani, 1987: 109). Meskipun begitu, peranan golongan berilmu yang memiliki kuasa diiktiraf Hashim A. Ghani dalam membasmi ajaran sesat. Misalnya, Hashim A. Ghani menyatakan bahawa tanggungjawab membasmi ajaran sesat boleh dilakukan jabatan-jabatan agama setiap negeri di tanah air ini bersama ulama yang bekerja bersama mereka atau tidak. Antara contoh ajaran dan kepercayaan yang menyimpang itu ialah Syiah dengan tafsir mengelirukan oleh mereka seperti fahaman terhadap Imam Mahdi (Penulis Undangan, 1980).

Semasa membahas Surah an-Nisa ayat 115, Hashim A. Ghani (1981a: 19-21) menggambarkan bagaimana taklid juga membawa kepada berlakunya bidaah dalam masyarakat Melayu kerana ikutan membuta tuli terhadap sesuatu yang dianggap baik. Kesungguhannya untuk menyedarkan isu bidaah, syirik, khurafat dan tahlul meskipun dianggap remeh dapat dilihat dalam *Memorandum Ahlis Sunnah wal Jama'ah Kuala Pilah*. Sebanyak 61 jenis bidaah dan syirik masyarakat Melayu disenaraikannya seperti tahlil arwah, mempercayai tuah, tangkal, memohon kepada kubur-kubur wali, dan sebagainya (Memorandum, 1966). Banyak perkara yang disebutkan ini terutamanya dalam perkara khurafat umumnya berlaku di kawasan Negeri Sembilan seperti amalan mengkeramatkan makam tertentu, tradisi membuang bala di Kuala Pilah, mandi safar di Port Dickson, pendukunan, sihir dan lain-lain yang menarik perhatian golongan islah (Suhaimi Hashim, temu bual pada 30 Mei 2023).

Meskipun begitu, Hashim A. Ghani tidak meninggalkan persoalan kekeliruan taklid dalam masyarakat Melayu ini tanpa cadangan. Pertamanya, beliau menyeru masyarakat agar tidak tertipu dengan penampilan atau keadaan seseorang untuk menentukan kesahihan. Misalnya, seseorang bermudah-mudahan menerima fatwa daripada orang yang berserban atau guru al-Quran sehingga menyangka kesemua maklumat yang diterima adalah benar. Jika ukuran ini digunakan, maka kaum *Khawarij* juga memiliki ciri-ciri ‘warak’ yang lebih utama untuk diikuti kerana memiliki dahi yang hitam dan membaca al-Quran dengan suara yang merdu. Nasihat ini termasuklah kepada ciri-ciri luar biasa para ‘wali’ kerana waraknya atau memiliki kuasa ajaib seperti mampu terbang di udara, ghaib, berada dalam dua tempat dalam satu masa dan lain-lain. Oleh itu, beliau menggesa masyarakat Melayu berhenti ‘membonceng’ ulama tanpa mengetahui pengambilan sumbernya. Jika seseorang mendengarkan kisah-kisah ajaib, kehebatan tok Sheikh dan lain-lain, kaedah yang diseru oleh beliau ialah berfikir secara kritis, menuntut dalil yang sah dan merujuk sumber dakwaan kisah-kisah itu (A. Ghani, 1987: 26-27; A. Ghani, 1984: 27, 123; A. Ghani, 1985: 106). Semasa membahaskan kisah-kisah ajaib seperti Imam Shafi’i berjumpa seorang uskup beragama Nasrani bertawaf mengelilingi Kaabah, periuk yang menempatkan raja yang meninggal dunia telah terbang kerana raja di dalam periuk mengucapkan zikir ‘*la ilaha illallah*’ dan lain-lain, beliau mengatakan:

“Cerita-cerita itu semuanya adalah rekaan para pembid’ah yang jahil, malangnya dicampur adulukan dengan ucapan yang haq, lantas hilanglah kebenarannya. Ummat Islam harus kembali kepada ajaran yang sah dari Al-quran dan Sunnah, bukan dari cerita yang tidak berasas.” (A. Ghani, 1984: 38-39)

Memandangkan kelemahan penguasaan bahasa Arab antara alasan untuk masyarakat Melayu melakukan taklid, beliau berjaya mendekatkan masyarakat kepada sunnah atau induk agama menerusi pengajian bahasa Arab (penterjemahan harfiah). Oleh itu, beliau telah melakukan pengajaran harfiah dan penerbitan-penerbitan buku Kursus Tertulis al-Furqan. Buku-buku penterjemahan tersebut masih mendapat sambutan sehingga hari ini. Usaha beliau menyeru masyarakat mendalamai Al-Quran mendapat pujian Abu Bakar al-Asha’ari dengan menyatakan karyanya membuka jalan

mendalamkan *qawa'id* nahu dan saraf yang terkandung dalam al-Quran yang disesuaikan dengan bahasa Melayu. Abu Bakar al-Asha'ari turut berdoa agar usaha Hashim A. Ghani ini berguna di tanah air (al-Ash'ari, 1970).

## 2. Kewajipan Bermazhab *Fiqh*

Membincangkan isu taklid tidak lengkap tanpa menyentuh berkenaan kewajipan bermazhab *fiqh*. Perkara ini ternyata merupakan persoalan utama taklid masyarakat Melayu yang menarik perhatian Hashim A. Ghani. Dominasi pengikut aliran tradisionalisme Shafi'iyyah berlaku tanpa saingan mazhab yang lain selama ratusan tahun sehingga pada awal 1900-an (Man & Ali, 2005: 74-75). Menurut Nahmar Jamil (1988), pegangan mazhab sesuatu negara ditentukan oleh *Uli al-Amr* (para umara atau ulama) bagi kepentingan perpaduan. Tambahan lagi, para imam mazhab mengasaskan mazhab itu agar ditaklid oleh masyarakat awam. Oleh kerana itulah, para imam mujtahid menulis kitab-kitab seperti *al-Umm* dan *al-Muwatta'*. Perkara yang tidak disukai para imam mazhab bukanlah mazhabnya ditaklid, tetapi memonopolikan mazhabnya. Oleh itu, Imam Malik melarang menjadikan *al-Muwatta'* sebagai perundangan rasmi negara. Menurutnya lagi, para ulama termasuk Ibn Taimiyah, Shah Waliyullah al-Dahlawi juga bermazhab kerana tidak pernah mengisyiharkan keluar daripada mazhab. Justeru, seruan '*la mazhabiyah*' menimbulkan persoalan seandainya para imam tidak ditaklid kerana mereka manusia biasa yang terdedah kepada kesalahan, maka taraf golongan 'Kaum Muda' jauh lebih rendah daripada itu untuk diikuti oleh masyarakat Melayu.

Amalan kewajipan bermazhab terhadap mazhab Syafii dikuatkan dengan kepercayaan akan berlakunya perpecahan kerana kehidupan dipandu dengan pegangan *talfiq* mazhab yang pelbagai atau tidak bermazhab. *Talfiq* adalah beramal dengan menggabungkan pelbagai pendapat mazhab. Sesuai dengan ramainya ulama yang mengharamkan *talfiq*, masyarakat Melayu beranggapan *talfiq* hanya boleh dilakukan dalam keadaan darurat atau kerana faktor ijtihad berdasarkan perubahan masa dan tempat (Abdullah, 2010). Persoalan yang dilontarkan ialah permasalahan yang akan muncul misalnya dalam menentukan ibadah seperti kawasan untuk bersolat, cara makan dan lain-lain. Negara ini dibayangi dengan keadaan porak-peranda

kerana setiap negeri memiliki perbezaan pegangan mazhab seperti mazhab Syafii, Hambali dan lain-lain (A. Ghani, 1988: 71). Oleh kerana itu, semasa menyeru masyarakat Melayu menjauhi seruan kaum reformis, perkara yang ditekankan ialah kekeliruan golongan islah mengamalkan *talfig* dalam beribadah misalnya dalam tatacara berwuduk, tidak menajiskan binatang yang dianggap najis dalam mazhab Syafii, dan lain-lain (A. Ghani, 1981: 5-8).

Dalam persoalan taklid masyarakat Melayu tentang kewajipan bermazhab, Hashim A. Ghani memiliki pendirian yang jelas, bahawa ia adalah haram dan bidaah. Beliau menyatakan;

“Kami sedang menyambung suara dari Salafiyyin dunia kini, bahawa melazimi mazhab Syafi’e (sahaja) bagi seorang muslim atau satu-satu negeri, bukan dari ajaran al-Quran dan Hadits, malah bukan dari ajaran Islam. Mereka yang memperjuangkan tertegaknya mazhab adalah menegakkan benang basah, mereka adalah ahli batil, bukan ahli haq, dan mereka yang memperkecilkan dan memandang sepikan al la mazhabiyah adalah menerima ilham dari bukan Islam,” (A. Ghani, 1988: 126).

Beliau bersetuju dengan pandangan al-Shaukani yang menolak pemaksaan menganut sesuatu mazhab dan melarang mazhab yang lain kerana ia adalah satu tindakan yang tidak berteraskan agama. Menurut Hashim A. Ghani (1985), takrif mazhab pada zaman dahulu hanya sekadar ijtihad para mujtahidin dalam hal yang tidak diperoleh kenyataan yang jelas daripada induk agama, dan tiada yang diwajibkan untuk bertaklid.

Dalam menanggapi persoalan ‘taraf rendah’ golongan Kaum Muda jika dibandingkan dengan para imam mazhab sehingga seruan mereka untuk meninggalkan mazhab *fiqh* ditolak tepi, beliau menegaskan bahawa seruan yang dijalankan bukan untuk merendahkan para imam mazhab (A. Ghani, 1984: 104; A. Ghani, 1985: 109). Bahkan, beliau lantang membela para imam mazhab yang telah dikritik oleh Kassim Ahmad. Beliau menegaskan bahawa para imam mazhab tersebut merupakan tempat rujukan kaum Muslimin. Imam Syafii telah digelar sebagai seorang yang tidak mampu ditandingi dan merupakan salah seorang imam yang fatwa-fatwanya telah diperhatikan tokoh-tokoh golongan islah seperti Ibn Taimiyah, Muhammad

bin Abdul Wahhab, Muhammad Abduh dan Rashid Ridha (A. Ghani, t.t: 115). Namun, beliau menegaskan lagi, cintanya kepada pendiri mazhab Syafii ditunjukkan dengan mengkaji tulisan-tulisan imam tersebut. Ujarnya:

“Kaum Sunnah, walaupun bermazhab Al Quran dan As Sunnah sahaja, tetapi amat menyintai Imam Asy-Syafie itu, sebab itulah kaum sunnah memiliki Kitab Al Umm yang dikarang oleh pemuka Mazhab tersebut, ia adalah sebesar-besarnya kitab peninggalan Imam Asy-Syafie, bukan sekadar menyimpannya, tetapi kami pelajarinya.” (A. Ghani, 1981: 39).

Hashim A. Ghani (1988) berpendapat, faktor pemakaian taklid mazhab ini disumbangkan kerana kejahilan masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu percaya mereka akan terpesong seandainya tidak bermazhab. Bagi menguatkan hujah untuk taklid bermazhab, mereka menggunakan jumlah pengikut Syafii yang ramai sebagai ukuran, berbanding membuktikan alasan dari al-Quran dan hadis. Seruan ini semakin sukar dengan lumrah masyarakat lama yang tidak mahu menerima teguran. Teguran ditafsirkan sebagai keras dan tidak menjaga perasaan. Hashim A. Ghani mempersoalkan pendirian ini, memandangkan sejarah membuktikan dakwah nabi-nabi tidak terhad kepada dakwah secara lembut semata-mata (Jamil, 1988: 14, 18; A. Ghani 1988: 51-52).

Faktor ini juga mampu dilihat berdasarkan peranan agamawan tradisionalis. Bagi memelihara keadaan taklid terhadap mazhab Syafii semata-mata, golongan agamawan dan pengikut Shafi’iah di negara ini telah memainkan peranannya. Misalnya, ramai para guru dalam ceramah agama telah menekankan taklid orang awam kepada mazhab. Sahutan daripada kalangan pengikut Melayu tradisional adalah cukup kuat sehingga mereka bermati-matian mengaku sebagai bermazhab Syafii (Md. Akib, 1983; A. Ghani, 1981). Tambahan lagi, agamawan Syafii memiliki kelebihan sejak sebelum merdeka, terutama di negeri-negeri yang memiliki Sultan dan Majlis Agama yang secara umumnya cenderung kepada tradisionalis Shafi’i. Kegiatan golongan Kaum Muda menyebarkan seruan tidak bermazhab mampu dihalang dengan wujudnya undang-undang seperti *Mohammadan Laws Enactment 1904, Section 9* serta *Amending Enactment 1925* (Abdullah, 2010).

Perkara ini bukanlah sesuatu yang baharu, bahkan sejak permulaan gerakan islah di Negeri Sembilan semasa penglibatan Hashim A. Ghani dalam dunia dakwah secara terbuka. Misalnya, terdapat masyarakat melaporkan kepada pihak berwajib untuk menyekat seruan islah daripada tersebar, sebagaimana yang terjadi di Masjid Ranjau Hantu di Negeri Sembilan. Kesan daripada peristiwa ini, tauliahnya telah dirampas (A. Ghani, 1985: 179). Mengajar agama tanpa tauliah jelasnya menyalahi undang-undang sedia ada tersebut.

Kelebihan ini tidak disia-siakan dengan sokongan daripada pihak akhbar yang cenderung kepada agamawan tradisionalis. Peranan pihak media seperti *Utusan Melayu* atau *Utusan Malaysia* yang cuba menggambarkan golongan islah tidak menerima mazhab Syafii dan menentukan hukum menggunakan akal fikiran semata-mata. Perkara ini dikuatkan lagi dengan tindakan akbar-akhbar memaparkan pandangan kontroversi golongan islah yang menyelisihi pegangan mazhab Syafii di negara ini yang dilihat sebagai propaganda agar masyarakat Melayu menolak seruan islah untuk tidak taklid kepada sesuatu mazhab (A. Ghani, 1985: 27). Kewujudan tulang belakang ini kepada agamawan tradisionalis dalam memperkuatkan mazhab Shafi'i di tanah air, maka tidak hairanlah Hashim A. Ghani berpendirian bahawa:

“...memasuki mazhab Syafiei itu adalah semata ditekankan oleh suatu kuasa sahaja, maka orang yang jahil terus sahaja mengaku ia bermazhab Syafiei, padahal bilakah ia melakukan syahadah bermazhab Syafiei.” (A. Ghani, 1985).

Kesan taklid kepada mazhab Syafii sahaja dalam kalangan masyarakat Melayu memiliki kesan yang negatif menurut pandangan Hashim A. Ghani. Beliau cuba memaparkan bagaimana percanggahan pendapat dalam mazhab *fiqh* adalah normal dalam pelbagai isu seperti isu wali, haji, wuduk, solat dan lain-lain. Meskipun begitu, dengan taklid kepada satu pandangan mazhab sahaja dan meninggalkan mazhab lain akan menyebabkan sesuatu kebenaran ditolak. Hal ini dikatakan demikian kerana taklid terhadap sesuatu mazhab akan meninggalkan kebenaran pendapat mazhab lain kerana adanya kecenderungan meskipun telah menemui hujah yang lebih kuat. Hashim A. Ghani mengungkapkan,

“Begitulah. Imam Abu Hanifah benar, tetapi tuan tidak betul, kerana tuan bertaqlid kepada Syafie sahaja, tentu tuan tidak menerima kata Abu Hanifah itu.” (A Ghani, 1988: 92).

Beliau menyatakan, hukum Islam secara keseluruhannya berada dalam al-Quran dan hadis, bukan dalam mazhab *fiqh* yang empat sahaja. Bahkan, wujud mazhab yang lain di luar mazhab yang empat memegang kebenaran atau pendapat yang lebih kuat seperti mazhab Al-Auza'i, As-Tsauri, Ishaq, Daud dan lain-lain yang wajar diperhatikan (A. Ghani, 1988: 103, 112-113). Pegangan ini selari dengan agama yang melarang seseorang untuk menurut sesuatu pendapat yang telah diketahui jelas salahnya (A. Ghani, 1984: 124; A. Ghani, 1987: 68-69).

Sebagaimana isu umum taklid, Hashim A. Ghani turut melontarkan cadangan dalam isu taklid kepada mazhab Syafii dalam kalangan masyarakat Melayu. Beberapa cadangan beliau ini, justeru telah dipraktikkan meskipun mendapat kecaman yang hebat. Pertama, beliau mengarahkan pemerhatian semula terhadap pemuka-pemuka imam mazhab oleh pengikut mazhab itu sendiri. Beliau menyeru agar mereka kembali mengenali pengasas mazhab Syafii kerana banyak amalan yang diamalkan masyarakat Melayu yang bertentangan. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat Melayu memiliki beberapa pegangan berbeza seperti tanggapan bertaklid kepada satu mazhab *fiqh* adalah satu kewajipan. Hashim A. Ghani membidas kenyataan ini dengan mendakwa pengasas mazhab itu sendiri melarang mazhabnya ditaklid. Para ulama mujtahid; justeru menasihati agar tidak mendahului al-Quran dan sunah walaupun setinggi mana jua ilmu mereka dalam pemikiran dan ijtihad (Md. Akib, 1983; A. Ghani, 1985; A. Ghani, t.t). Dalam karyanya, *Bahaya Turun dari Menara*, daripada halaman 143 sehingga 149, beliau telah menyenaraikan ungkapan-ungkapan daripada para Imam mazhab yang menyeru untuk mendahulukan pendapat yang datang dari al-Quran dan sunah berbanding fatwa orang lain termasuk daripada mereka sendiri (A. Ghani, t.t).

Bagi mengatasi ketegangan antara puak tradisionalis Melayu dan reformis kerana salah faham terhadap seruannya meninggalkan taklid mazhab *fiqh*, beliau mencadangkan kesediaan lawatan atau pertemuan untuk melakukan perbincangan atau perdebatan terutama kepada mana-mana

pihak termasuk pihak berautoriti agama dan akhbar. Jika diteliti, beliau menjalankan perkara ini dengan melakukan perdebatan pertama antara beliau dengan pihak Kadi Kuala Pilah di Negeri Sembilan. Perdebatan telah berlaku pada 5 Ogos 1954 untuk menjawab beberapa persoalan, antaranya isu taklid mazhab (A. Ghani, 1985: 180). Antara kes yang pernah timbul juga termaktub dalam rumusan dalam Ijtimak pada 30 Disember 1984 di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Rumusan dilakukan untuk melakukan penafian terhadap dakwaan akhbar daripada *Utusan Malaysia* bertarikh 4 November 1984 yang didakwa telah melemparkan tuduhan kepada pengikut-pengikut Sunnah di Kuala Pilah. Pihak akhbar mendakwa 70 pengikut ajaran sesat bertaklid kepada fatwa Hassan Bandung, tidak menyamak anggota tubuh yang tersentuh babi, dan lain-lain. Pelawaan daripada pihak islah berbunyi:

“Pemuda As Sunnah adalah mempelawa UTUSAN MALAYSIA, para ulamak dan siapa jua yang menuduh Ittiba Is Sunnah sesat supaya datang ke Ma’ahad Ittiba Is Sunnah, KM 1.5 Jalan Seremban, Kuala Pilah, atau di suatu tempat yang difikirkan sesuai untuk berdialog dengan anggota As Sunnah supaya terbukti benar atau salahnya,” (A. Ghani, 1985: 135-137)

Cadangannya dan cabaran ini sememangnya kerap kali tidak disambut. Oleh itu, beliau bergerak melakukan penyelesaian lain yang mencetuskan kontroversi. Bagi mempertahankan pandangannya seperti dalam isu solat Jumaat, beliau meminta pengasingan jemaah agar jemaahnya tidak lagi dilakukan di masjid, tetapi di kawasan madrasahnya yang tidak lebih satu kilometer dari Masjid Ranjau Hantu. Secara logiknya, cadangan ini bagi membolehkan golongan islah Kuala Pilah yang dilarang melaksanakan pendapatnya sekurang-kurangnya tidak terhapus begitu sahaja. Pengasingan ini dilihat mampu ‘mengekalkan’ amalan antara dua pihak tanpa gangguan. Namun, cadangan pengasingan ini telah menimbulkan konflik. Bahkan, pernah berlaku serbuan dan penangkapan terhadap kelompok islah di Madrasah Ittiba’ as-Sunnah memandangkan cadangan pengasingan ini tidak diterima pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) (Hashim, 2010; Amriz Ismail, 2010).

## KESIMPULAN

Dua persoalan taklid dalam masyarakat Melayu yang disentuh Hashim A. Ghani adalah, kekeliruan dalam memahami taklid dan isu kewajipan bermazhab *fiqh*. Kedua-dua persoalan ini dianalisis oleh beliau dan ia secara halus mengandungi faktor, kesan dan cadangan yang boleh difikirkan atau diaplikasikan – meskipun ada yang beliau telah aplikasikan. Jelasnya, Hashim A. Ghani sebagai antara tokoh islah yang terawal di Negeri Sembilan memiliki satu pandangan yang cukup tegas berkenaan taklid, seiring dengan tersebarnya gerakan Kaum Muda sejak awal 1900-an di Tanah Melayu. Pegangannya ini mampu ditafsirkan kepada kepemimpinan beliau dalam membawa masyarakat islah Negeri Sembilan kepada pembersihan agama dengan menolak sebarang bidaah, khurafat, syirik dan tahlul. Perjuangannya membawa golongan islah di Negeri Sembilan mendapat tentangan daripada pelbagai pihak termasuk masyarakat, tokoh agama dan pihak berautoriti agama negeri, bahkan setelah beliau meninggal dunia pada 2004.

## RUJUKAN

- A. Ghani, Hashim. (1978). Riwayat Hidup Ustaz Hashim Ghani. [Tidak diterbitkan]. Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
- A. Ghani, Hashim. (1981). *Gayung bersambut*. KTF Institiut.
- A. Ghani, Hashim. (1981a). *Kenapa mesti menurut As Sunnah*. KTF Institiut.
- A. Ghani, Hashim. (1984). *Gelanggang soal jawab*. KTF Institiut.
- A. Ghani, Hashim. (April 1984a). Penyatuan fikrah dan kepimpinan. *Dalam Ijtimak Keluarga Sunnah (Muhammadiyah) Malaysia*. Kuala Pilah, Negeri Sembilan, 1-4.
- A. Ghani, Hashim. (1985). *Gayung bersambut 2*. KTF Institiut.
- A. Ghani, Hashim. (1987). *Aurad Muhammadiyah menyeleweng*. KTF Institiut.
- A. Ghani, Hashim. (1988). *Kata berbalas sesat dan haram bermazhab*. KTF Institiut.
- A. Ghani, Hashim. (Februari 1982). Gelanggang karyawan al-Furqan. *Risalah as Sunnah*, Bil 15/2/MIS/JA/A/82, 2.
- A. Ghani, Hashim. (Februari 1982a). Ustaz Abu Bakar Al Asy'ary. *Risalah as Sunnah*, Bil 15/2/MIS/JA/A/82, 1.
- A. Ghani, Hashim. (t.t.). *Bahaya turun dari menara*. KTF Institiut.
- Abdullah, Abdul Rahman. (2010). *Sejarah ikhtilaf mazhab di Malaysia*. Karisma Publications Sdn. Bhd.

- Abu Bakar, Mahyuddin. (2006). Pengaruh amalan bertaqlid kepada Mazhab Syafie di kalangan orang Melayu di Malaysia. *'Ulum Islamiyyah*, 5(1), 19-35.
- al-Ashaari, Abu Bakar. (1970). [Surat kepada Hashim A. Ghani]. [Tidak diterbitkan]. Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
- Alias, Adibah Yasmin, Saidin, Mohd Irwan Syazli, & Hamil, Jamaie. (2023). Pengaruh Muhammad 'Abduh terhadap kemunculan fundamentalis-reformis Kaum Muda di Tanah Melayu (1900-1930). *KEMANUSIAAN*, 3(2), 119-141.
- Amriz Ismail, Ainol. (13 November 2010). JHEAINS tahan tiga lelaki. *Utusan Malaysia*.
- Hashim, Hazman. (2010). Jamaah Madrasah Ittiba' As Sunnah (MIS) di Uji Lagi. [Tidak Diterbitkan]. Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
- Ismail, Hashim. (2010). *Hermenutik: Reaksi Reformasi Kaum Muda*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail, Muhammad Zaid & Mohamed, Norhida. (2015). Islah dan tajdid: Pendekatan pembinaan semula Tamadun Islam. Dalam *Proceedings of ICIC2015 – International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21<sup>st</sup> Century*. Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia, 679-690.
- Jamil, Nahmar. (1988). *Bermazhab haram dan sesat? Kritik terhadap pendakwah Hashim A. Ghani*. Pustaka al-Mizan.
- Man, Saadan & Ali, Abdul Karim. (2005). Ikhtilaf Fiqhi di kalangan aliran Syafi'iyyah dan Salafiyyah di Malaysia: Analisis retrospektif terhadap faktor pencetus. *Jurnal Fiqh*, 2, 73-96.
- Mat Ton, A. A. (Peny.). (2006). *Pengislahan masyarakat Melayu: Perbincangan al-Imam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mat Zain, Farid & Mohd. Ghazali, Rabitah. (2021). Pengaruh Majalah Al-Manar di Mesir terhadap kemunculan majalah berunsur islah di Tanah Melayu. *Malaysian Journal of Islamic Movements and Muslim Societies*, 1(1), 110-122.
- Md. Akib, Harun. (22 Julai 1983). Ada golongan membuta-tuli dan taksub kepada guru. *Medan Rakyat*.
- Memorandum. (1966). Memorandum Daripada Ahlis Sunnah Wal Jama'ah Kuala Pilah. Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
- Mohamad Yaakub, Mohamad Anas., & Ruskam, Aminuddin. (2019). Polemik amalan ibadah harian di Malaysia. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 2, 38-63.
- Mohamad, Firdaus Mohamad, Engku Alwi, Engku Ahmad Zaki, & Sulaiman, Ruhaizan. (2023). Kaum Muda dan Majalah Pengasuh pemangkin penyelesaian masalah sosial menerusi pendidikan di Kelantan. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 2(1), 54-64.

- Mohd Sharif, Mohd Shahrul Azha, Mohd Noor, Arba'iyah, & Abdullah, Mohd Firdaus. (2021). Belenggu pemikiran masyarakat Melayu Islam di Tanah Melayu: Peranan Majalah *Qalam* sebelum merdeka (1950-1957). *ISLAMIYYAT*, 43(1), 15-26.
- Muhammad Noor, Umar. (2021). *Aliran Kritik Hadis Semasa*. Penerbit Universiti Malaya.
- Othman, M. R. & Rahmat, O.K. (1996). *Gerakan pembaharuan Islam: Satu kajian di Negeri Perlis dan hubung kaitnya dengan Malaysia*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Pengisytiharan As-Sunnah. (1982). Deklarasi wujudnya Keluarga As-Sunnah Malaysia. Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
- Penulis Khas. (Februari 1982). Ustaz goblok? *Risalah as Sunnah*, Bil. 17/2/MIS/SY/J/82, 3.
- Penulis Undangan. (November 1980). Banyak guru agama jahil dengan ayat2 Allah – Ustaz Hashim. *Watan*.
- Roff, W.R. (Terj. Ahmad Boestamam). (2003). *Nasionalisme Melayu*. Penerbit Universiti Malaya.